

# MESYUARAT PRESTASI CAWANG TADBIR

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2802-mesyuarat-prestasi-cawang-tadbir](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2802-mesyuarat-prestasi-cawang-tadbir)

IPOH, 21 Dis 17 - Bahagian Tadbir telah mengadakan Mesyuarat Prestasi Cawang Tadbir bertempat di Dewan Rajawali, Akademi Tentera Udara, Ipoh. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Asisten Ketua Staf Tadbir, YBhg Brig Jen Dato' Dr. Ismail bin Manuri TUDM ini dihadiri oleh Pegawai Kanan Cawang Tadbir, Pengarah-pengarah Cawang Bahagian Tadbir, PS 1 Tadbir Markas, Ketua-ketua Cawang Tadbir dan Pegawai Waran Cawang Tadbir dari Markas dan Pangkalan Udara seluruh Malaysia.

Mesyuarat prestasi cawang tadbir merupakan salah satu platform pemantauan prestasi, penyampaian maklumat kepada peringkat pelaksana dalam menentukan pematuhan arahan dan dasar-dasar baru perkhidmatan yang dikeluarkan oleh pihak atasan dilaksanakan dengan betul.

Objektif mesyuarat ini ialah untuk membincangkan pencapaian aktiviti Cawang Tadbir Tahun 2017 dan perancangan bagi tahun 2018 serta membentangkan dasar-dasar dan arahan pelaksanaan terkini. Ia juga bertujuan untuk memperkasakan peranan dan tanggungjawab Pegawai Waran Pangkalan.

Diakhir mesyuarat, Asisten Ketua Staf Tadbir telah membuat penggulungan dan ucapan penutup.



